



# Paip air berkarat, bocor

Penduduk lima kampung sekitar DUN Lenggeng hadapi masalah sejak 15 tahun lalu terpaksa guna air Sungai Chohor

Oleh Mohd Amin Jalil

**S**EREMBAN: Lokasi berhampiran Lembah Klang dan kemajuan pesat dialami kawasan sekitar tidak bermakna semua perkhidmatan yang diterima rakyat adalah dalam kelas pertama.

Itulah nasib dialami lebih 700 penduduk dari lima kampung sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lenggeng, dekat sini yang sejak 15 tahun lalu, asyik mengeluh memikirkan masalah dihadapi mereka.

Dalam tempoh itu, bekalan air yang diterima kawasan berkenaan sentiasa terganggu menyebabkan penduduk acap kali terpaksa bergantung kepada sumber semula jadi dari sungai berhampiran.

Lima kampung terbabit ialah Kampung Mendam, Kampung Jelatok, Kampung Kelusau, Kampung Sungai Bunga, Kampung Katob dan Kampung Teradau.

Walaupun menyedari risiko air mentah dari Sungai Chohor mungkin tercemar, mereka tiada pilihan kerana itu satu-satunya penyelesaian yang ada.

Beberapa penduduk ketika ditemui mengakui masalah itu kini tidak seruncing dulu, tetapi, ia tetap menghantui mereka, terutama ketika musim cuti panjang dan perayaan besar.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Mendam, Zakaria Aman, 70, berkata masalah bekalan air sering terputus berpunca daripada paip utama yang kerap pecah.

"Apabila berlaku kebocoran paip, ia bukan saja menjejaskan urusan harian penduduk, tetapi turut menyebabkan pembaziran apabila air terbuang begitu saja," katanya.

Katanya, paip utama di kawasan itu sudah berusia lebih 30 tahun dan dipercayai banyak yang sudah berkarat dan mudah pecah terutama ketika menerima tekanan air tinggi.

"Apabila banyak paip pecah, Jabatan Bekalan Air (JBA) Negeri Sembilan terpaksa menutup bekalan bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan dilaksanakan dan ada kalanya ia mengambil masa lama sehingga dua tiga hari.

"Lebih menyedihkan, gangguan di luar jangka menyebabkan penduduk tidak menerima maklumat awal mengenai masalah berkenaan dan tidak sempat menyimpan bekalan untuk kegunaan sepanjang tempoh gangguan," katanya.

Zakaria berkata, antara dua hingga tiga gangguan berlaku dalam sebulan apabila paip bekalan ditutup sementara untuk kerja baik pulih kebocoran dan lebih parah masalah itu berlaku pada musim cuti panjang.

"Gangguan terbaru ialah ketika ramai saudara mara pulang ke kampung untuk menghabiskan cuti Hari Wesak yang bersambung dengan cuti hujung minggu, baru-baru ini," katanya.

Beliau yang sudah menetap di kampung itu sejak kecil, berkata ada juga kes paip yang sudah dibaiki kontraktor pecah semula menyebabkan penduduk menjadi mangsa.

Justeru, Zakaria meminta JBA Negeri Sembilan mengatasi masalah itu dengan menukar paip lama kepada yang baru bagi mengelakkan masalah berterusan. Sementara itu, Ahli Dewan Undangan



Negeri (Adun) Lenggeng, Datuk Ishak Ismail, mengakui masalah gangguan bekalan air di kawasan terbabit sudah berlarutan sekian lama.

Beliau sendiri keliru kerana Lenggeng mempunyai banyak kawasan tadahan hujan, tetapi penduduk tidak mendapat

**“**Masalah ini lebih dirasakan apabila penduduk mahu mengadakan sesuatu majlis keraian atau ketika musim perayaan yang memerlukan penggunaan banyak air”

**Ishak Ismail**  
Ahli Dewan Undangan Negeri  
(Adun) Lenggeng

bekalan air bersih dengan sempurna seperti tempat lain.

Sehubungan itu, Ishak berharap JBA negeri memantau masalah berkenaan dan cuba mengatasinya sebaik mungkin demi kepentingan dan kesejahteraan penduduk.

## FAKTA NOMBOR

Masalah bekalan air di DUN Lenggeng

**700**

Penduduk terbabit

**15**

Tahun berlaku gangguan

**30**

Tahun usia paip yang digunakan

**5**

Kampung hadapi masalah meruncing